

**[THE DIRECTION OF TERENGGANU CHILDREN'S EDUCATION TO THE
WORLD STAGE]****HALA TUJU PENDIDIKAN ANAK TERENGGANU KE PERSADA DUNIA**

MAHYUDDIN HASHIM¹
MOHD SAFRI ALI²

^{1,2} Kolej Al-Quran Terengganu, Kampus Padang Midin, Terengganu
MALAYSIA.
Email: mahyuddin@kqt.edu.my

Received: 10th Mac 2022

Accepted: 25th April 2022

Published: 31st December 2022

Abstract

Education is aimed at achieving individual success and happiness of life in this world and the hereafter. However, education in modern times is now generally based on the separation between the knowledge of the world and the hereafter. It is the effect of Western influences that isolates religious knowledge from being the basis and foundation in the worldly life based on reason. The implications to this isolation lead to personal and life damage. The state of Terengganu is also not spared from the problem of dualism. Therefore, a clear direction needs to be drawn up for the education of Terengganu children to walk on the right track to achieve excellence not only up to the world stage, but also in the hereafter. The balance of intellect, heart and body sourced from the Qur'an and the Sunnah is very much emphasized. The emphasis on science, technology, engineering and mathematics (STEM) cannot be separated from the knowledge of Akidah, Syariah and Tasawuf. The framework of the Islamic golden age model should be the basis for the construction of prosperous human beings based on holistic education. It is hoped to produce value to the country, the ummah and the world.

Keywords: *direction, education, Terengganu*

ABSTRAK

Pendidikan adalah bertujuan untuk mencapai kejayaan individu dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun, pendidikan pada zaman moden kini secara umumnya adalah berasaskan kepada pengasingan antara ilmu dunia dan akhirat. Ia adalah kesan daripada pengaruh Barat yang memencilkan ilmu agama daripada menjadi asas dan dasar dalam kehidupan duniawi yang berasaskan akal. Implikasi kepada pengasingan ini membawa kepada kerosakan peribadi dan kehidupan. Negeri Terengganu juga tidak terlepas daripada permasalahan dualisme ini. Justeru, satu hala tuju yang jelas perlu dirangka bagi pendidikan anak Terengganu agar berjalan di atas landasan yang betul bagi mencapai kecemerlangan bukan sahaja sehingga ke persada dunia, bahkan di akhirat. Keseimbangan intelek, hati dan jasmani bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah sangat perlu ditekankan. Penekanan kepada ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) tidak boleh dipisahkan daripada ilmu Akidah, Syariat dan Tasawuf. Kerangka model zaman

keemasan Islam seharusnya dijadikan asas bagi pembinaan insan yang sejahtera berdasarkan pendidikan yang holistik. Ia diharapkan dapat menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

Kata Kunci: hala tuju, pendidikan, Terengganu

PENDAHULUAN

Pendidikan dalam Islam adalah bertujuan untuk mencapai kejayaan individu dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Wan Mohd Nor, 2005). Walau bagaimanapun, pendidikan pada zaman moden kini secara umumnya adalah berasaskan kepada pengasingan antara ilmu dunia dan akhirat. Ia adalah kesan daripada pengaruh Barat yang memencilkan ilmu agama daripada menjadi asas dan dasar dalam kehidupan duniawi kerana pengalaman pahit mereka dengan golongan agamawan Kristian. Umat Islam telah memenjarakan agama dalam masjid sebagaimana Barat memenjarakan agama Kristian dalam gereja. Mereka menjadikan akidah hanya sebagai kepercayaan individu yang tidak boleh mempengaruhi kehidupan seharian. Mereka lupa bahawa umat Islam terdahulu telah meninggalkan legasi kemajuan dan tamadunya yang hebat dengan mengintegrasikan antara dua ilmu tersebut. Agama Islam telah dijadikan rujukan dalam kehidupan khususnya dalam bidang pendidikan (Mahyuddin et al., 2018; Al-Qaradhawi, 1992 & Al-Attas, 2000).

Fahaman dualisme dan dikotomi ilmu yang berlaku ini boleh dilihat contohnya melalui kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh ahli sains kini. Mereka melakukan kajian dan penyelidikan dengan bergantung kepada akal semata-mata tanpa merujuk kepada ilmu agama. Ini kerana mereka menganggap ilmu agama tidak mempunyai hubungan dengan kajian mereka (An-Nadawi, 1965 & Al-Qaradhawi, 1992). Begitu juga kita lihat dalam masyarakat hari ini yang memisahkan antara pendidikan aliran agama dengan pendidikan aliran akademik (sekular) sehingga tertubuhnya sekolah-sekolah yang mengasingkan antara kedua-dua aliran tersebut. Walaupun mata pelajaran pendidikan Islam diajar, ia hanya dilihat daripada perspektif yang begitu sempit serta tiada kepentingannya untuk disepadukan dalam mata pelajaran yang lain (Zetty, 2016).

Implikasi kepada pengasingan ini membawa kepada kerosakan peribadi dan kehidupan. Ia telah meruntuhkan sistem hidup manusia yang bertunjangkan kepada akidah yang betul dan syariat yang memandu kebenaran (Mahyuddin et al., 2018).

Negeri Terengganu juga tidak terlepas daripada permasalahan dikotomi ilmu dan dualisme ini. Justeru, satu hala tuju yang jelas perlu dirangka bagi pendidikan anak Terengganu agar berjalan di atas landasan yang betul bagi mencapai kecemerlangan bukan sahaja sehingga ke persada dunia, bahkan di akhirat.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI TERENGGANU

Fasa sebelum negara mencapai kemerdekaan menyaksikan pendidikan melalui kelas-kelas al-Quran di rumah guru atau ustaz, masjid dan surau. Selain pengajian al-Quran dan ilmu tentang solat yang diajar secara meluas, dilaporkan juga terdapat pengajian ilmu Fiqh, Tauhid, Tauhid, Tafsir, Sejarah, Tasawuf dan Falsafah Islam tetapi dalam beberapa situasi tertentu dan terbatas (Asamawati & Fathiyah, 2012).

Di Terengganu, pendidikan seterusnya beralih kepada satu bentuk pengajian yang lebih tersusun iaitu pengajian pondok. Ia lahir daripada kesedaran para cendekiawan dan ilmuan berpendidikan agama. Sistem pengajiannya merangkumi peringkat permulaan, menengah dan tinggi serta menawarkan mata pelajaran yang lebih meluas seperti Fiqh,

Tauhid, Tafsir, Hadis, Serah Islam, Tasawuf dan Bahasa Arab (MAIDAM, t.t. & Asamawati dan Fathiyah, 2012).

Antara ulama yang membuka pondok di Terengganu (Mohd Zainodin Mustaffa et al., 2017) ialah:

1. Tuan guru Haji Hussain bin Mohd Amin
2. Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussain
3. Tuan Guru Haji Abbas bin Muhammad
4. Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir
5. Tuan Guru Haji Omar bin Ahmad
6. Tuan Guru Haji Najmuddin bin Mohammad
7. Tuan Guru Haji Mohammad bin Awang Teh
8. Ustaz Haji Daud bin Omar
9. Ustaz Nik Qassim bin Nik Ismail

Pada sekitar tahun 1930an ditubuhkan madrasah-madrasah hasil sumbangan orang ramai dan juga kerajaan negeri. Madrasah ini berasal daripada sekolah pondok yang kemudiannya dikenali sebagai sekolah Arab. Pengajian madrasah dilihat sebagai satu bentuk pengajian formal apabila pelajar dikelompokkan berdasarkan usia dan kemampuan akademik serta wujudnya sistem peperiksaan (MAIDAM, t.t. & Asamawati dan Fathiyah, 2012).

Pada awal penubuhan sekolah Arab, mata pelajarannya berfokus kepada agama dan bahasa Arab. Selepas tahun 1960an, sistem pendidikan sekolah Arab ini telah dikaji dan sistem baru yang lebih sesuai telah diselaraskan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan bahasa Arab dan pelajaran agama tidak ketepikan. Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai diperkenalkan dan pelajar-pelajar dikehendaki menduduki peperiksaan tersebut. Bersesuaian dengan sistem pendidikan baru yang berorientasikan Sistem Pendidikan Kebangsaan maka sekolah-sekolah Arab dipanggil Sekolah Menengah Agama Negeri Terengganu (MAIDAM, t.t.).

Antara Sekolah Menengah Agama Negeri Terengganu yang ditubuhkan ialah:

1. SMA Sultan Zainal Abidin Ladang, Kuala Terengganu ditubuhkan pada tahun 1932
2. SMA Mahmudiah, Kuala Berang ditubuhkan pada tahun 1935
3. SMA Khairiah, Kuala Terengganu ditubuhkan pada tahun 1942
4. SMA Maarif, Bestu ditubuhkan pada tahun 1942
5. SMA Al-Falah, Kemaman ditubuhkan pada tahun 1944
6. SMA Ittifakiah, Jerteh ditubuhkan pada tahun 1946
7. SMA Sultan Ismail, Dungun ditubuhkan pada 1958
8. SMA Marang ditubuhkan pada 1958
9. SMA (A) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu ditubuhkan pada tahun 1958

Sekolah-sekolah dan pusat pendidikan agama di Terengganu terus berkembang dan bertambah bilangannya termasuk penubuhan Sekolah Rendah Agama Bersepadu Terengganu (SRABT) pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2010 operasi SRABT tidak diteruskan (MAIDAM, t.t.). Sekolah-sekolah tersebut ialah:

1. SRAB Khairiah, Kuala Terengganu
2. SRAB Maarif, Besut
3. SRAB Ittifakiah, Jertih
4. SRAB Mahmudiah, Kuala Berang
5. SRAB Sultan Ismail, Dungun
6. SRAB Al-Falah, Kemaman.

Pada tahun 2005, Sekolah Menengah IMTIAZ di bawah Yayasan Terengganu telah ditubuhkan. Sehingga kini sekolah ini wujud di setiap daerah. Sistem pendidikannya adalah merupakan gabungan kurikulum bersepadu KBSM dan pengajian al-Quran sebagai teras

pembelajaran untuk menghasilkan persekitaran yang kondusif untuk menimba ilmu (<https://yt.gov.my/en/sekolah-impiaz/>).

Kini, pendidikan di Terengganu terus ke hadapan apabila tertubuhnya Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dan Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI).

FALSAFAH PENDIDIKAN DAN HALA TUJU PENDIDIKAN ANAK TERENGGANU

Hala tuju pendidikan anak Terengganu tidak seharusnya lari daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia yang ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Hala tuju tersebut juga hendaklah selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam Malaysia pula meletakkan hasratnya untuk mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat, hasrat yang seharusnya dikongsi bersama dengan hala tuju pendidikan anak Terengganu.

“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Persidangan Pendidikan Islam Dunia Kali Pertama pada 1977 menyatakan falsafah dan tujuan pendidikan Islam yang hampir sama dengan Falsafah Pendidikan Islam Malaysia iaitu;

“Education should aim at the balanced growth of the total personality of man through the training of Man’s spirit, intellect, rational self, feeling and bodily senses. The training imparted to a Muslim must be such that faith is infused into the whole of his personality and creates in him an emotional attachment to Islam and enable him to follow the Quran and the Sunnah and be governed by the Islamic system of value willingly and joyfully so that he may proceed to the realization of his status as Khalifatullah to whom Allah has promised the authority of the universe.”

Jelasnya, falsafah pendidikan sedia ada ini boleh dijadikan asas kepada pembinaan hala tuju pendidikan anak Terengganu. Walau bagaimanapun, falsafah pendidikan tersebut perlu dilihat daripada kaca mata Islam yang syumul, bukan daripada perspektif Barat yang mengasingkan antara ilmu agama dengan ilmu duniawi.

HALA TUJU PENDIDIKAN ANAK TERENGGANU

Keseimbangan pendidikan intelek (kognitif), hati (afektif) dan jasmani (psikomotor) bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah sangat perlu ditekankan dalam pendidikan anak Terengganu. Walaupun elemen pendidikan ini telah diterapkan dalam pendidikan sedia ada tetapi ia mestilah dengan acuan Islam.

Pendidikan intelek (kognatif)

Perkembangan intelek merupakan salah satu tujuan pendidikan yang penting dalam kehidupan. Pendidikan dalam aspek ini melibatkan minda. Intelek berupaya membongkar kebenaran hakiki iaitu menemukan insan kepada Penciptanya. Intelek juga penting untuk menyelesaikan permasalahan insan dalam kehidupan. Ia membantu insan mencapai kemuncak kesedaran akal untuk memperolehi ilmu (Asamawati & Fathiyah, 2012).

Al-Quran memberikan penekanan kepada perkembangan intelek. Ia dapat dilihat melalui galakan untuk berfikir dan *tadabbur* (memerhati) di samping pujian terhadap golongan *ulul albab* (orang yang berakal).

Firman Allah SWT yang bermaksudnya:

“Mereka ialah golongan yang sentiasa mengingati Allah dalam semua keadaan baik semasa berdiri, duduk mahupun berbaring mengiring. Dan mereka pula sentiasa memikirkan tentang kejadian langit dan bumi lalu berkata: “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menciptakan semua ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka.” [Ali-Imran: 191] (Terjemahan al-Quran versi al-Bayan, 2021).

Firman Allah SWT juga yang bermaksud:

“Tidakkah mereka memerhatikan isi kandungan al-Quran? Andainya al-Quran itu bukan datangnya daripada Allah, nescaya mereka akan dapati di dalamnya percanggahan yang banyak.” [Al-Nisa’: 82] (Terjemahan al-Quran versi al-Bayan, 2021).

Selain itu Allah berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang berakal.” [Ali-Imran: 190] (Terjemahan al-Quran versi al-Bayan, 2021).

Pendidikan hati (afektif)

Hati adalah tempat tumpuan ibadat. Ia adalah sumber rohani manusia. Perasaan dan emosi seseorang terletak pada hati seperti rasa cinta, benci, takut, harap, gembira, sedih, tenang dan lain-lain (Majdi al-Hilali, 2000). Ia adalah raja kepada anggota tubuh manusia seluruhnya. Setiap gerakan yang dilakukan oleh anggota tubuh manusia adalah dengan arahan hati. Ia adalah punca kuasa bagi keinginan dan penetapan keputusan. Semua anggota yang lain hanya melaksanakan perintahnya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ketahuilah sesungguhnya dalam jasad manusia ada seketul daging. Jika ia baik maka baiklah jasad keseluruhannya. Jika ia rosak maka rosaklah jasad keseluruhannya. Ia adalah hati.” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru, pendidikan dalam aspek ini adalah menyentuh berkaitan emosi dan pembersihan hati seperti perasaan, nilai, penghargaan, *enthusiasm*, motivasi dan sikap. Ia akan menghasilkan akhlak dan peribadi mulia dalam diri insan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai Tuhan Kami! Utuskanlah kepada mereka seorang Rasul dalam kalangan mereka yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat-Mu serta mengajarkan kepada mereka isi kandungan al-Quran dan segala hikmah disebalik hukum-hakamnya. Dia juga akan membersihkan hati dan jiwa mereka daripada syirik dan maksiat.” [Al-Baqarah: 129] (Terjemahan al-Quran versi al-Bayan, 2021).

Pendidikan Jasmani (psikomotor)

Pembelajaran dalam aspek ini menyentuh berkaitan pergerakan, koordinasi dan kemahiran fizikal. Perkembangan dalam aspek ini memerlukan latihan dan biasanya diukur dari segi kepantasan, kejituan, jarak, prosedur atau teknik semasa perlaksanaan.

Perkembangan jasmani yang sempurna menjadi tujuan pendidikan kerana insan pada mulanya dilahirkan dalam keadaan yang lemah jasmaninya. Jasmani tersebut beransur-ansur menjadi kuat dan mantap setelah melalui pertambahan usia dan pendidikan yang terima. Insan yang sihat dan kuat juga berupaya menjalani kehidupan yang produktif dan dinamik. Tanpa kecergasan jasmani, insan tidak mampu melaksanakan amal ibadahnya (Asamawati & Fathiyah, 2012). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan persiapkanlah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu mampu, juga dengan kuda-kuda perang untuk menggerunkan musuh, musuhmu dan musuh-musuh lain yang tidak kamu ketahui tetapi Allah mengetahuinya.” [Al-Anfal: 60] (Terjemahan al-Quran versi al-Bayan, 2021).

Gabungan antara ilmu agama dan duniawi

Gabungan antara pembelajaran ilmu agama dan duniawi perlu dilakukan bagi menjayakan pendidikan intelek, hati dan jasmani. Penekanan kepada ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) tidak boleh dipisahkan daripada ilmu Akidah, Syariat dan Tasawuf. Kerangka model zaman keemasan Islam seharusnya dijadikan asas bagi pembinaan insan yang sejahtera berdasarkan pendidikan yang holistik. Ia diharapkan dapat menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Cadangan bagi menjayakan hala tuju pendidikan anak Terengganu ke persada dunia ialah:

1. Kursus kekeluargaan dan keibubapaan yang bersifat holistik dan bersistematik perlu diwujudkan atau ditambahbaik khususnya kepada bakal pengantin dan ibu bapa.
2. Pra sekolah, sekolah rendah dan menengah berorientasikan agama di Terengganu perlu menerapkan asas yang berkaitan aspek ilmu sains, teknologi, kejuruteraan, matematik (STEM) dalam silibus pembelajaran mereka.
3. Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT) di Terengganu yang berkaitan ilmu agama hendaklah memasukkan kursus berkaitan asas sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam struktur program pengajian.
4. Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT) di Terengganu yang berkaitan ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) hendaklah menjadikan kursus pengajian al-Quran, Hadis, Akidah, Syariat dan Tasawuf sebagai wajib PPT dalam struktur program pengajian.

5. Yayasan Terengganu perlu mengutamakan pembiayaan kewangan kepada pelajar yang ingin menyambung dalam bidang agama dan bidang yang menggabungkan ilmu duniawi dengan agama.

Kesimpulannya, hala tuju pendidikan anak Terengganu ke persada dunia seharusnya tidak mengabaikan elemen keseimbangan intelek, hati dan jasmani yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Kerajaan negeri perlu memperkasakan sistem pendidikan dengan menggabungkan ilmu agama dan duniawi.

RUJUKAN

- Adnan Mohamed Yusoff et al. (2021). *Terjemahan al-Quran versi al-Bayan*. Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
- Al-Attas, Mohd Naquib (2000). *Mudakhalat falsafiyah fi al-Islam wa al-a'lmaniyyah*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization. Penterjemah: Muhammad at-Tohir al-Misawi
- Al-Qaradhawi, Yusuf (1992). *Al-Islam wal Ilmaniyyah; wajhan liwajhin*. Beirut: Muassasah Risalah.
- An-Nadawi, Abul Hasan (1965). *Maza khasiral al-'aalam bi inhitotil muslimin*. Beirut: Darul Kutub al-'Arabi.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2). 57-70.
- Kementerian Pendidikan (t.t.). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 6*. Kementerian Pendidikan. <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dskp-kssr/1265-dskp-kssr-pendidikan-islam-tahun-6/file>
- Kementerian Pendidikan (t.t.). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pendidikan. <https://www.moe.gov.my/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- M. Noor Sulaiman Syah (2016). Challenges Of Islamic Education In Muslimworld: Historical, Political, And Socio-Cultural Perspective. *QIJIS: Qudus International Journal of Islamic Studies*. Volume 4, Issue 1. 82-105
- Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusof, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Noornajihan Ja'afar dan Norakyairee Mohd. Raus (2018). Konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dan Perbandingannya dengan Islamisasi. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 11-23. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol0no0.22>
- Majdi al-Hilali. 2000. *Al-Iman Awwalan; Kaifa Nabda'bihi*. Kaherah: Darul Tauzik wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM) (t.t.) *Sambutan Tiga Abad Pentadbiran Islam Terengganu: Perkembangan Sekolah Menengah Agama Terengganu*.
- Mohd Zainodin Mustafa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly. 2017. *Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman*. Proceedings 2nd International Islamic Heritage Conference 2017. Penerbit ACIS, UiTM Cawangan Melaka. m/s 47
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yayasan Terengganu (t.t.). *Sekolah IMTIAZ*. Yayasan Terengganu. <https://yt.gov.my/en/sekolah-imtiaz/>

Zetty N. R. (2016). *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.